

**Lima Huruf Yang
Bakal Mengubah Hidup Anda**

PULUN



MOHD DAUD BAKAR



TDM
FOC


PULUN

Lima Huruf Yang Bakal Mengubah Hidup Anda



PULUN

Lima Huruf Yang Bakal Mengubah Hidup Anda



Mohd Daud Bakar

Y.A.B. TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD

PUSTAKA PERDANA



1013539



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Terbitan 2018

Cetakan Kedua, Oktober 2018

Amanie Media Sdn. Bhd.

Level 33, Menara Binjai,

No. 2, Jalan Binjai Off Jalan Ampang,

50450 Kuala Lumpur, Malaysia

www.amaniemedia.com

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Amanie Media Sdn. Bhd.

ISBN: 978-967-14818-8-2

978-967-14818-9-9 (e-Book)

Dicetak di Malaysia oleh Tihani Cetak Sdn Bhd

158
MDB

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	vii
Prakata	viii
Bab Pertama : Kalau Tidak Dipecahkan Ruyung Manakan Dapat Sagunya	1
Gaya Hidup dan Cara Kerja Warna	
Perwatakan Anda.....	4
Emak dan Abah Hero Saya	5
Usaha Melempi Tana Aras.....	11
Biodata Diri Cermin Diri	16
Bab Kedua : Kenapa Kita Tak Mampu Pulun Dalam Kehidupan?.....	21
Psikologi Pulun dan Pemulun	24
Pulun Bukan Untuk Diri Saya.....	29
Sikap Seekor Kura-kura	32
Jatuh Cinta Dengan Birokrasi	36
Berat Tulang-Belulang.....	37
Kemalasan Tidak Ada Bangsa	40
Kemalasan Budaya Hidup.....	44
Keyakinan Diri Semakin Senja.....	46
Pentingkan Diri Sendiri	48
Bab Ketiga : Rangsangan bagi Pulun.....	55
Mimpi dan Impian.....	56
Kuasa Semangat Yang Tinggi	65
Sekarang ataupun Lupakan Saja	76
Saya dan Bukan Orang Lain.....	85
Bekalan di Akhirat	93
Bab Keempat : MRI pada Sifat Pulun dalam Diri Sendiri	103
Disiplin Aktiviti Kehidupan yang Ketat	105

Benci Buang Masa.....	114
Berfikiran ke Depan (<i>Futurist</i>).....	120
Bahasa Lidah dan Bahasa Badan yang Lunak.....	126
Peduli Masyarakat Tetapi Tak Peduli Hal Orang Lain	134
Bab Kelima : Pelengkap pada Pulun.....	141
Doa dan Tawakal	143
Minda yang Strategik	151
Kerja Bersama	161
Jangan Ulangi Kesalahan.....	169
Sokongan dan Dorongan Ekosistem.....	176
Berani Mencuba dan Berinovasi.....	182
Penutup Bicara	193

Penghargaan

Saya amat terhutang budi pada semua yang membantu saya menyiapkan buku ini. Tidak lupa juga pada mereka yang memberikan suntikan semangat kepada saya bagi terus menulis buku-buku ala motivasi, di samping buku-buku bertunjangkan minda Syariah.

Saya ingin mengucapkan terima kasih yang khusus pada Azura, Haslizah, Izleen dan Zuraida daripada pasukan Amanie yang sudi membaca manuskrip ini pada peringkat awal penulisan dan seterusnya bermurah hati memberikan komen-komen yang bernas. Terima kasih juga kepada Razak daripada Amanie Media yang melakarkan reka bentuk kulit buku ini.

Ucapan yang sama buat Profesor Madya Dr. Fuadah Johari daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang memberikan ulasan yang komprehensif.

Penghargaan istimewa kepada sahabat dan rakan saya, Ashadi Zain yang menghasilkan suntingan yang anggun bagi manuskrip asal saya. Setiap sentuhan dan suntingan penuh maknanya kepada saya dan pembaca.

Saya ingin anda semua tahu bahawa saya benar-benar menghargai setiap sumbangan anda dalam apa jua bentuk. Anda sememangnya sebahagian daripada perjalanan buku ini. Selamat membaca dan selamat memulun!

Prakata

Anda mungkin tertanya-tanya kenapa saya menulis buku ini. Jawapannya adalah kerana tidak ada apa yang lebih penting dalam hidup ini (selepas keimanan dan keilmuan) melainkan mencurahkan segala daya usaha dalam pelbagai bidang kehidupan, seperti ibadah, kerjaya, khidmat masyarakat dan juga untuk membina diri sendiri. Apa guna keimanan dan keilmuan yang tinggi kalau anggota badan berat menggalas tugas dan malas bekerja?

Mungkin kita lebih senang memberi alasan atau lebih teruk lagi mencipta alasan daripada membanting tulang empat kerat dan memerah keringat bagi mencurahkan amal bakti dan membina masyarakat dan negara. Itu pilihan masing-masing. Tepuk dada tanya selera.

Kenapa tajuk ini? Pada pandangan saya, tidak ada perkataan lain yang lebih sinonim dengan usaha bersungguh-sungguh sehingga habis kudrat melainkan perkataan pulun. Walaupun pulun hanya bahasa biasa dalam masyarakat kita (berasal daripada loghat Kedah), tetapi semua orang, tak kira umur dan latar belakang sosioekonomi dapat memahami apa itu pulun. Ini memberikan satu kelebihan kepada saya dalam menulis buku ini. Saya tak perlu lagi bersusah-payah

bagi menjelaskan maksud pulun. Harapan saya, suatu hari nanti, perkataan pulun ini menjadi perkataan yang digunakan pada peringkat antarabangsa yang berasal dari bahasa Melayu, seperti perkataan amok (amock dalam kamus bahasa Inggeris).

Ini tentunya menjadikan tugas saya lebih mudah bagi mendekati makna, intisari dan tuntutan pulun dalam minda dan sanubari para pembaca. Ini kerana semua orang dah tahu apakah makna pulun. Tugas saya hanyalah bagi membongkar rahsia dan mutiara di sebalik perwatakan pulun supaya masyarakat lebih teruja dengan sikap pulun ini. Ayuh kita memaknakan dan mengantarabangsakan perkataan pulun! Kejayaan hari besok bermula dengan impian pada hari ini.

Dalam bahasa mudah, pulun bermaksud memberikan apa sahaja yang anda mampu sehabis dan sebaik mungkin bagi mencapai sesuatu matlamat, sama ada dalam kehidupan atau kerjaya ataupun hobi. Kalau seseorang itu masih belum lagi bersedia dan mampu memikul batu ke atas gunung - seperti seekor semut, dengan segala kekuatan yang ada, yang cuba menolak batu di atas tanah yang tinggi - dia sebenarnya belum lagi mendapat sifat dan perwatakan pulun. Pulun memerlukan satu usaha yang luar biasa (ya, luar biasa), sehingga seseorang itu dapat merasakan bahawa dia dah pun melakukan apa sahaja yang perlu dilakukan bagi memikul batu-batu besar ke atas gunung. Sehabis mungkin.

Pada masa yang sama, saya akan membuat ketukan lembut pada sikap buruk dalam masyarakat, seperti curi tulang, membuang masa, membuat kerja yang tidak

berfaedah, termasuk cara kerja rutin harian yang tidak pernah berubah sejak sekian lama, berlagak sombong dengan kerja dan usaha sebesar lalat dan sebagainya.

Buku ini penting buat semua, tak kira umur, jantina, bangsa dan agama. Ini kerana pulun pun tidak ada umur, jantina, bangsa dan agama ataupun kerakyatan. Ia satu sifat yang bebas dimiliki (ataupun dijauhi) mana-mana manusia. Tepuk dada tanya selera. Kita yang menentukan sama ada kita ingin bersahabat dengan sifat pulun ini atau kita tak ingin langsung melihat kelibat pulun dalam hidup kita. Kita mungkin dah selesa dengan diri kita dan kita sekadar ingin memerhatikan orang lain bertungkus-lumus. Setakat jadi pak pacak.

Sifat pulun ini juga satu modal atau ekuiti dalam kehidupan dan lebih menarik lagi, ia modal atau ekuiti yang percuma. Petik jari sahaja, ia datang kepada kita. Kita tak perlu meminta orang lain menyediakan atau memberi pinjaman bagi modal dan ekuiti ini. Ia amat berbeza dengan wang. Wang ada kos dan harga. Ia juga adil untuk semua orang. Jangan ada dalam kalangan kita yang menyimpan dendam kesumat bahawa sifat pulun ini bersifat pilih kasih sesama insan. Jangan salahkan sesiapa kalau anda tak dapat melihat kelibat pulun dalam perwatakan kehidupan dan kerjaya anda. Kita perlu sentiasa cermin diri dulu sebelum kita menyalahkan orang lain. Barulah bijak namanya.

Pulun (seperti juga masa) adalah buta pada manusia. Semuanya sama sahaja. Kita semua memiliki 24 jam sehari tetapi ada dalam kalangan kita yang lebih pandai mengurus diri sendiri. Maka masanya menjadi lebih

anjat, berkembang dan bertambah. Begitulah juga dengan sifat pulun ini. Ada dalam kalangan kita yang mampu memulakan kerjanya pada pukul 5 pagi dan ada pula yang hanya mampu mula bekerja pada jam 10 pagi. Bagaimana pula dengan hujung minggu anda? Kenapa saya masih cakap tentang pulun pada hujung minggu? Bukankah hujung minggu adalah waktu bagi berehat?

Ingat, pulun adalah pilihan anda. Tiada siapa dapat memaksa anda bekerja dan pulun, khususnya pada hujung minggu. Tetapi apabila kita melihat di sekeliling kita, ada juga dalam kalangan kita yang masih pulun walaupun pada hujung minggu atau cuti umum. Siapakah mereka dan kenapa mereka masih bekerja keras pada waktu yang diberi nama hujung minggu? Apakah rahsia mereka?

John Grisham, seorang novelis genre undang-undang yang paling terkenal pada peringkat antarabangsa terpaksa bangun setiap hari pada pukul 4 pagi bagi menyiapkan novel pertamanya "*A Time to Kill*" sebelum pergi bekerja di firma guaman majikannya pada pukul 8 pagi. Beliau tahu erti dan tuntutan pulun. Seorang lagi novelis terkenal, Danielle [Fernandes Dominique Schuelein] Steel, seorang suri rumah, akan menulis buku beliau waktu mencuci pakaian di bilik bawah tanah rumah apabila semua ahli keluarganya dah pun tidur.

Mereka mencari-cari masa bagi menyiapkan kerja yang perlu disiapkan dalam longgokan kerja dan tugas lain. Kalau kita hanya menanti masa lapang bagi bekerja kuat atau melakukan sesuatu yang baru dan mencabar dalam kehidupan ini, saya ada berita buruk untuk anda. Masa yang ditunggu-tunggu ini tidak akan datang sampai bila-

bila. Tunggulah sampai berjagut sekalipun.

Sekarang, kedua-dua novelis ini adalah antara penulis paling terkemuka dan tersohor pada era ini. Mereka mendakapi erti pulun seeratnya. Tak mahu dilepas, biar dunia bergegar sekalipun. Mereka tahu mereka ada idea dan kemahiran yang hebat bagi menulis sesuatu yang menarik tapi mereka juga tahu yang bulat tak datang bergolek dan yang pipih tak datang melayang. Sudah pasti, mereka juga tahu dan yakin kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya. Ini hukum dunia yang tak pernah dan takkan pernah berubah.

Buku ini ditulis demi satu tujuan sahaja. Buku ini takkan memberi apa-apa pilihan kepada mana-mana insan yang mempunyai impian dan cita-cita bagi berjaya. Kalau anda nak berjaya, apatah lagi berjaya dengan cemerlang, anda kena pulun habis-habisan. Pulun adalah sahabat anda yang paling setia. Ia takkan mengecewakan anda (sepertimana masa juga tak pernah mengecewakan mana-mana insan yang pandai menguruskannya).

Selamat membaca dan semoga sifat pulun dapat mengalir laju dalam saluran pernafasan dan urat darah anda setiap masa dan detik. Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Nak seribu daya, tak nak seribu dalih. Usaha dulu kemudian baru bertawakal. Jangan menjadi orang yang selalu mengharapkan durian runtuh. Dalam usaha dan kerja keras anda, jangan pula sekadar melepaskan batuk di tangga. Pulun dan pulun.

Ingat... jika tidak dipecah ruyung, mana boleh dapat sagunya!

BAB PERTAMA

Kalau Tidak Dipecahkan Ruyung Manakan Dapat Sagunya

Sagu adalah makanan asasi atau ruji dalam masyarakat Melayu suatu ketika dahulu. Sagu hanya ada dalam batang pohon enau atau rumbia. Bagaimana sagu dapat dikeluarkan dari batang pohon ini? Peribahasa ini mungkin kurang difahami kerana ramai yang tidak mengenali apakah itu ruyung. Ramai tahu sagu tetapi bagi ruyung, mereka ada imaginasi masing-masing. Ada yang menyangka ia adalah bekas isian air, iaitu buyung. Kebetulan pula, bunyi dan sebutan ruyung hampir sama dengan buyung. Tapi hakikatnya, buyung dan ruyung bagai langit dan bumi. Jauh beza.

Ruyung adalah kulit tebal pokok atau pohon enau atau rumbia. Ruyung sagu adalah batang pokok sagu dewasa yang dipotong-potong sekitar 1 meter dengan kulitnya yang tebal dan keras. Ia kemudiannya dikopek menggunakan kapak atau parang khas. Apabila kulit dah pun dikopek, akan kelihatan isi batang sagu bewarna putih kekuningan yang lembut. Ini kemudiannya akan disagat

bagi menghasilkan parutan sagu yang seterusnya diperah bagi mendapatkan air sagu. Sesudah proses pengeringan, cecair ini akhirnya menjadi tepung dan ia dapat dimasak dan dihidangkan sebagai makanan pencuci mulut yang enak.

Nampak senang bukan? Tetapi ia proses yang sukar dan panjang. Enak memang enak tapi nak dapatkannya bukan main susah lagi. Ia memerlukan banyak tenaga, kesabaran dan ketelitian. Pokok enau atau rumbia bersaiz besar. Bukan sebarang orang mampu menebang, memotong batang pokok, membawa keluar batang pokok yang ditebang, mengkopek kulit, memarut, memerah dan seterusnya memproses bagi mendapatkan hasil sagu yang dapat dimakan. Ia memerlukan usaha yang penuh kesabaran, ketelitian dan juga kemahiran. Inilah ciri-ciri sifat pulun.

Kalau kita tak mahu pecah peluh dan bermandi keringat, jangan harap kita boleh dapat sagunya. Nampaknya, tu hanya bermimpi di siang hari. Pendek kata, kalau kita hanya sekadar melihat pohon enau atau hanya sekadar menebangnya sahaja tanpa melakukan apa-apa usaha susulan, pokok yang ditebang dan sagu di dalamnya akan tersia-sia sahaja.

Saya teringat pada beberapa pepatah Melayu lain, iaitu "pengayuh sayang dibasahkan, sampan takkan sampai ke seberang" dan "segan berkayuh perahu hanyut". Dalam bahasa Inggeris, ini disebut sebagai "*No Pain No Gain*" atau "*You can't make bricks without straw*" atau yang paling dekat dengan peribahasa Melayu berkaitan dengan ruyung sagu adalah, "*He that would eat the kernel must crack*

the nut". Ambil ingatan bahawa pulun tidak ada bangsa dan agama dan juga alamat rumah. Pulun dapat menjadi milik sesiapa saja yang mendambakannya.

Apa sebenarnya mesej daripada pepatah Melayu ini dan juga pepatah yang sama dalam bahasa-bahasa lain? Mesej utamanya jelas lagi bersuluh. Tiada jalan singkat bagi berjaya. Ingat ya... tak ada *short cut* atau jalan pintas. Anda tak boleh potong sebarang litar kejayaan. Kalau anda berani memotong mana-mana litar kejayaan bagi mencari jalan pintas, nanti litar rezeki (atau reputasi) anda yang akan terpotong dan terpintas serta terbelit. Ini hukum alam semula jadi, waima para Nabi dan Rasul pun bekerja kuat dan tekun. Itu pun, bukan semua berjaya ke destinasi terakhir. Ada juga dalam kalangan Nabi dan Rasul yang terkandas dalam perjuangan mereka.

Tetapi apabila kita sudah bekerja kuat, kita akan meletakkan diri kita di tempat yang paling cocok bagi bernasib baik. Ini sesuai dengan ungkapan; "Mereka yang berusaha lebih mudah bernasib baik berbanding dengan yang tidak berusaha". Mungkin tidak salah bagi saya mengambil contoh sikap dan tingkah laku pemain sayap kanan pasukan Liverpool yang sedang mendaki tangga kehebatan pemain bola sepak yang buat masa ini setanding dengan Lionel Messi, Cristiano Ronaldo, Eden Hazard, Christian Bale dan seumpamanya.

Beliau adalah Muhammad Salah yang baru berumur 25 tahun. Dalam satu rencana tentang rahsia kejayaan pemain dari Mesir ini, beliau disifatkan sebagai seorang insan yang selalu berjuang setiap detik dan masa; dalam setiap larian pecutan; dalam setiap '*tackle*'; dan setiap

tendangan. Beliau sentiasa berjuang (untuk dirinya). Buat masa ini (waktu saya menulis buku ini), beliau sudah berjaya menjaringkan gol hampir setiap perlawanan dan jumlah jaringannya sudah melepasi rekod-rekod tertentu dalam pasukan Liverpool sejak sekian lama. Beliau sudah menjadi fenomena dalam kalangan penyokong pasukan Liverpool dan penggemar bola sepak.

Gaya Hidup dan Cara Kerja Warna Perwatakan Anda

Bagaimana pula dengan diri anda? Apa makna perjuangan dalam hidup anda? Apakah ruyung yang akan anda pecahkan setiap detik dan setiap hari? Saya tahu ini soalan yang sukar untuk saya dan anda. Kadang-kadang, kita tak suka orang memerhatikan tingkah laku dan sifat ketekunan kita. "Biarlah setiap orang bekerja mengikut kemampuan dan tempo yang disukainya", adalah ungkapan yang bermain dalam minda ramai orang.

Betul dan benar. Bekerja ini biarlah datang daripada hati dan emosi kita. Jangan dipaksa-paksa. Kalau seseorang itu selesa bekerja pada waktu tengahari, jangan pula dia diminta bekerja pada awal pagi atau pada tengah malam. Tapi adakah ini cara hidup orang yang ingin mengubah dirinya menjadi seekor helang dalam kalangan burung, seekor singa dalam kalangan ternakan?

Gaya hidup dan cara kerja melambangkan perwatakan anda. Hidup ini tidak lain dan tidak bukan adalah cara fikir dan cara kerja kita. Itulah warna kehidupan kita.

Kalau kita sudah tanamkan dalam minda kita bahawa kita hanyalah seekor burung nuri dan juga ingin bersikap sedemikian, maka itulah perwatakan kita sebenarnya. Kita sendiri yang pilih. Kita tak mampu terbang tinggi dan adakalanya, kita rasa takut dan resah kerana kita hanyalah seekor burung nuri.

Emak dan Abah Hero Saya

Malah bagi menjadi burung nuri sekalipun, banyak ruyung yang perlu kita pecahkan. Mana ada tugas dan peranan di dunia ini yang datang bergolek dan sentiasa disambut dengan permaidani merah. Bahkan, kalau kita ke planet lain sekalipun, hukum alamnya tetap sama. Jadi, simpan dulu angan-angan untuk berhijrah ke planet lain. Kalau kita pemalas, warga planet lain pun akan menyampah dengan kita.

Pengalaman peribadi saya; ibu saya sebagai kakak sulung pada adik-beradik beliau terpaksa berkorban masa dan wang keluarga bagi memberi laluan kepada adik-beradik yang lain untuk ke sekolah, sedangkan beliau membanting tulang pada zaman kanak-kanak seawal umur 8 tahun membantu keluarga menguruskan urusan rumah dan memasak. Beliau tidaklah bercita-cita besar. Beliau hanya sekadar ingin menjadi seekor burung nuri.

Beliau akan cepat-cepat menggalas segala kerja rumah, dari membasuh, memasak dan mengemas rumah kemudian bergegas bagi belajar mengaji Quran dari seorang guru kampung yang hebat (yang juga guru awal pada bekas Johan Qari peringkat kebangsaan dan

antarabangsa beberapa kali, iaitu Allahyarham Dato' Haji Ismail Hashim). Beliau juga akan mencari masa bagi ke sekolah malam, iaitu kelas orang dewasa bagi belajar membaca. Beliau tidak mudah menyerah diri kepada keadaan dan kegagalan. Biar putih tulang jangan putih mata.

Teringat saya pada satu adegan dalam filem "Pendekar Bujang Lapuk" arahan dan lakonan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Itulah bentuk dan suasana kelas orang dewasa. Kelas percuma tetapi pelajar-pelajarnya adalah dari pelbagai lapisan umur dan latar belakang. Kebanyakannya gagal membaca. Mereka terpenjara dalam dunia buta huruf dan buta ilmu hisab.

Tetapi tidak untuk ibu saya. Beliau ingin menjadi seekor burung nuri yang boleh terbang walaupun tidak setinggi mana. Beliau ingin menjadi 'seseorang' dalam kapasitinya yang terhad dengan usaha gigihnya sendiri tanpa sedikit pun bantuan dan galakan keluarga. Beliau akhirnya (pada fasa kedua kehidupan beliau selepas perceraian) menjadi guru Quran kampung yang menabur budi dan jasa kepada semua anak-anak muda kampung dan juga orang dewasa yang lambat mengenal Quran. Beliau mungkin buta ilmu hisab dan ilmu sains tapi celik Quran.

Beliau juga tamat kelas dewasa (pada waktu malam) dengan cemerlang dan pernah ditawarkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak bagi berkhidmat sebagai guru. Tetapi beliau harus mengikuti kursus perguruan selama beberapa tahun terlebih dahulu. Di sini, beliau berdepan halangan keluarga dan terpaksa

berkahwin awal. Takdir sosial amat berat ditolak. Kalau ditolak, nanti terbang dari keluarga. Segala harapannya bagi menjadi burung rajawali terkandas seperti kaca yang jatuh berderai. Saya akan sambung kisah beliau ini pada bahagian lain.

Kenapa saya ceritakan kisah sebegini? Kisah sebegini adalah kisah sebenar dalam masyarakat. Bukan dongeng tok nenek. Ia kisah yang ada di mana-mana sahaja. Cuma kita yang tak nampak atau tak ambil peduli. Kita sengaja menutup telinga dan memejamkan mata. Tapi ingat, hidup adalah cara fikir (*mindset*) dan cara kerja (*skillset*). Ia berlaku pada ibu saya dan juga ayah (tiri) saya dan juga kepada Steve Jobs pada zaman kanak-kanak dan remaja beliau. Tentunya Steve Jobs berjaya menjadi helang atau rajawali atau "*Toruk Makto*" seperti dalam filem Avatar, tetapi ibu dan ayah saya juga berjaya menjadi "seekor helang" dalam dunia dan kapasiti mereka masing-masing.

Saya yakin mereka (ibu bapa saya dan Steve Jobs) tahu dan beriman bahawa mereka kena pecahkan ruyung bagi mendapat sagunya; kena basahkan pengayuh sampan untuk sampai ke seberang dan kena memasang jerat dan bubu bagi mendapat habuan kancil di hutan dan ikan di sungai. Mereka tahu dan mereka terus bertindak seupaya mungkin. Kata dasar di sini adalah seupaya mungkin. Ini yang membezakan antara sikap pulun dan sikap ambil mudah serta tidak ambil kisah. Sikap pulun atau sikap malas.

Dengan izin, saya ingin ceritakan sedikit kisah ayah (tiri) saya pula. Nama diberi Mohd Jamil Abdullah. Bertekad mengahwini ibu saya seorang ibu tunggal

walaupun kerja tetap belum ada. Kerjaya beliau bermula sebagai pencari kayu api di hutan getah (di Bedong, Kedah) dan kemudian sebagai pembantu kantin sekolah sebelum bersara sebagai pegawai perpustakaan Maktab Mahmud di Alor Setar, Kedah.

Saya telah menemui ramai orang yang berjaya dalam kehidupan saya yang singkat ini tetapi saya belum ketemu lagi seorang yang seiras dan sehebat ayah saya ini. Kehebatan impian dan semangatnya bukan kepalang. Boleh melawan bisa ular tedung dan boleh mematahkan sengat kala jengking.

Beliau ingin sangat berjaya dalam kerjaya beliau sebagai pegawai perpustakaan bagi mendapat pangkat dan gaji yang lebih tinggi sikit supaya keluarga meraih pendapatan lebih tinggi. Itu sahaja dorongan motivasi beliau. Memang kami sekeluarga benar-benar kesempitan wang. Maklumlah beliau hanya ada Sijil Rendah Pelajaran atau SRP (atau dikenali kemudian sebagai PMR atau PT3 pada zaman sekarang). Bagi mendapat tangga gaji yang tinggi sikit, beliau dikehendaki lulus SPM.

Waktu itu, beliau sudah pun berumur hampir 30 tahun. Beliau telah mendaftar sebagai pelajar SPM secara persendirian dan menduduki peperiksaan SPM dengan pelajar-pelajar lain yang belajar sepenuh masa. Tapi ini perkara biasa sahaja. Impian dan semangat sebegini tak mampu melawan walaupun hanya bisa gigitan semut api, apatah lagi bisa ular tedung dan sengat kala jengking.

Jadi, di mana sengat ayah saya ini yang mampu menghilangkan bisa patukan ular tedung dan sengat kala jengking? Ini cerita beliau. Beliau telah mendaftar

dan menduduki SPM lebih 10 kali, iaitu selama 10 tahun berturut-turut sepanjang hidupnya. Saya ulang... lebih 10 kali. Betullah kata pepatah dan bidalan Melayu; "Selembab-lembab puntung di dapur, ditiup menyala juga".

Beliau mungkin gagal pada pandangan orang ramai kerana mencuba banyak kali (mungkin yang paling banyak dalam sejarah Malaysia) tetapi beliau adalah hero kepada kami sekeluarga. Kekentalan semangat beliau untuk tidak malu dan terus berjuang adalah satu suntikan motivasi yang tinggi pada saya sepanjang kehidupan saya ini. Bagi saya, beliau helang yang terbang melangit kerana beliau mengajar erti perjuangan dan sikap pulun dalam kehidupan ini.

Ibu dan ayah saya tidak terkenal. Cerita mereka mungkin tidak mempunyai nilai komersil dalam masyarakat, berbanding cerita Steve Jobs atau Warren Buffett atau pun Lionel Messi atau Muhammad Salah. Semua mereka ini susah dalam kehidupan awal mereka tetapi masing-masing dapat memecahkan ruyung sagu. Berpantang maut sebelum ajal, berpantang gagal sebelum pulun.

Tetapi saya percaya cerita dan kisah kedua ibu bapa saya juga adalah cerita dan kisah hidup anda dan keluarga anda - tak kira siapa anda dan di mana anda membesar, sama ada di Tawau atau di Kangar. Setiap perjalanan kehidupan ada kisah dan setiap kisah ada heronya (*Every journey has a story and every story a hero*). Ini adalah frasa kegemaran saya sejak kecil lagi. Kalau anda bertanya saya, siapakah hero-hero saya? Mereka adalah emak dan

abah! (semoga Allah SWT merahmati ruh mereka di alam barzakh)

Dalam buku ini, anda adalah hero dalam perjalanan kehidupan anda. Ramai yang menanti-nanti anda sebagai hero mereka. Saya menulis buku ini bagi melahirkan lebih ramai hero-hero dalam masyarakat yang semakin hari semakin pudar impian dan semangat jati diri dan mandirinya. Minda subsidi dan minda mengharap bantuan orang lain sudah terpasak dalam fikiran dan minda serta seolah-olah tercatat di belakang sijil kelahiran.

Dalam konteks wakaf pun dalam kalangan agamawan dan ahli perniagaan Muslim, kita masih mengharapkan kerajaan bagi memberikan sebidang tanah bagi membangunkan bangunan wakaf di atasnya. Kita cukup bergeliga meminta-minta tetapi tidak pandai menjana sendiri kewangan dan kekayaan bagi menjadi pewakaf. Kalau nak menyumbang kepada masyarakat Islam sekalipun, kita masih menadah tangan meminta belas kasihan pihak ketiga. Tapi kita lupa yang tangan yang memberi lebih baik daripada yang menerima.

Di mana maruah dan jati diri kita? Wakaf dan pewakaf pada zaman kegemilangan Islam dahulu menyumbang dan membantu pihak kerajaan dalam banyak projek prasarana yang besar, seperti pendidikan, perubatan, alam sekitar, pengurusan air minuman dan tanaman dan seumpamanya. Pada hari ini, kita meminta pihak kerajaan untuk bantu kita supaya kita dapat berwakaf. Apa sudah jadi dengan semangat juang kita?

Usaha Melepassi Tanda Aras

Ini tak boleh jadi. Kita takkan mampu bangkit semula bagi menjadi masyarakat yang dihormati (dan juga menghormati diri sendiri) kalau usaha dan gerak kerja kita hanyalah sekadar biasa-biasa sahaja di bawah tanda aras dan piawaian skala sikap pulun. Usaha sekadar cukup makan atau lebih bawah daripada tu. Dalam persaingan ekonomi, sains dan teknologi, kekayaan dan permodalan, pencapaian akademik dan peluang pekerjaan yang semakin sengit dan kompetitif pada era moden ini, usaha kita yang berbentuk 9/10 adalah hanya bersamaan dengan 0/10. Masih bersifat kosong. Tidak berimpak dan tiada kelebihan (*advantage*) kerana suasana persaingan yang cukup mendesak dan mencabar, malah bagi mereka yang mencapai skala 10/10 sekalipun. Ramai orang di sekeliling kita sudah pun mencapai 10/10. Persaingan sengit adalah elemen yang dapat mengurangkan markah dan skala 'keheroan' kita, walaupun kita mungkin dapat mencapai 10/10 dalam usaha kita.

Jadi, apa yang diperlukan sekarang? Usaha kita mestilah berskala 12/10 (atau lebih) bagi memberikan apa sahaja yang diperlukan lebih daripada apa yang dituntut (dalam keadaan biasa) bagi mencetuskan bibit-bibit kejayaan dalam semua bidang kehidupan. Apakah makna skala 12/10 ini? Ia adalah PULUN.

Apakah manifestasi pulun yang dapat dilihat dan dibuktikan dalam kehidupan ini? Dah tentu kita tidak boleh bergantung pada pernyataan seseorang atau kepetahan bercakap seseorang mahupun sokongan dan dukungan orang tertentu. Ini semua adalah pengiktirafan

sendiri (*self validation*) atau sokongan pihak ketiga yang tidak semestinya tepat atau hanya berbunga tapi tiada wanginya.

Lebih teruk lagi kalau kita ingin menonjolkan diri dengan bernaung di bawah bayang-bayang orang lain. Saya sudah bertemu dengan ramai orang yang memakai kasut dan sepatu orang lain yang lebih besar sedangkan saiz sebenar sepatu mereka adalah lebih kecil. Bagi berjaya, jangan mengharapkan orang lain kerana “tak kaya oleh emas pembawa, tak gadis oleh kain berselang”.

Kadang-kadang mereka mendapat kedudukan dan penghormatan atas kilauan bayangan orang lain. Ada juga yang lupa bahawa mereka berjalan di atas muka bumi dengan kebongkakan dengan hanya bernaung di bawah payung orang lain. Ada juga yang lebih sudu dari kuahnya; pemilik payung berendah hati dan berhati manusia, pejalan di bawah bayang pemilik payung membongkakan diri berhati Si Tanggung.

Kalaulah kita dapat mencipta alat canggih bagi memeriksa dan memberi markah kepada kandungan molekul sifat pulun dalam diri dan perwatakan seseorang, sudah pasti ramai yang akan membuat tempahan. Orang akan membeli alat canggih ini walau setinggi mana pun harga yang diletakkan. Orang akan melabur wang yang banyak hanya bagi mendapatkan pekerja (lebih-lebih lagi pemimpin) atau rakan kongsi atau pun teman seperjuangan yang tidak curi tulang; seorang yang apabila dia bekerja, dia akan pulun sampai habis. Agak-agaknya, apa nama komersil atau jenama yang sesuai untuk mesin ini? Mesin pengesan pencuri tulang. Menarik sekali. Pasti

laris.

Malangnya, alat dan mesin canggih ini belum ada lagi. Teringin juga nak cipta alat dan mesin sebijak ini. Ia dapat menyelesaikan banyak masalah manusia, khususnya dalam bidang pekerjaan, kepimpinan dan juga aktiviti kemasyarakatan dalam pelbagai bidang sosioekonomi dan kelestarian dunia sejagat dalam konteks pengurusan sumber manusia. Inilah masalah terbesar dalam pengurusan sumber manusia pada hari ini. Kualiti tenaga dan kemahiran pekerja tidak memenuhi markah yang sepatutnya. Jauh panggang dari api. Sehubungan itu, imbuhan gaji mungkin tidak setimpal dengan kualiti sumbangan seseorang pekerja itu. Maka berlakulah kesenjangan antara imbuhan dan sumbangan; ganjaran dan prestasi. Memang rugi... kita bayar untuk beli emas tapi tengok-tengok, hanya dapat tembaga. Malang.

Bayangkan apa yang akan berlaku pada kehidupan manusia kalau mesin penapisan antara air yang mutlak lagi bersih daripada air yang kotor dan berkuman tak wujud. Segala bakteria dan kuman akan terlepas masuk ke dalam air minuman kita. Lebih teruk lagi, air ini akan dijual pada harga yang sama, tak kiralah sama ada air sihat atau air berkuman sekalipun. Ini satu penipuan aspek penjagaan kualiti dan juga satu kegagalan penzahiran sebenar. Dunia pada hari ini sudah beriman dan sudah melaksanakan penjagaan kualiti dan penzahiran yang sepenuhnya. Ini sudah menjadi rukun kehidupan era moden. Bagaimana pula dalam sektor pekerjaan (dan kepimpinan)? Adakah kita dapat lihat batang hidung 'penjagaan kualiti dan penzahiran penuh'?



Kita bersyukur kerana teknologi moden telah terhasil bagi memproses dan menapis air mentah menjadi air minuman yang bebas bau, warna dan rasa yang kurang enak dan lebih-lebih lagi, bebas dari bakteria, virus dan segala jenis kuman. Malangnya, kita belum memiliki mesin penapisan kualiti manusia, apatah lagi kualiti kepimpinan dalam kalangan manusia. Ini penting bukan sahaja bagi penerimaan seseorang itu bekerja tetapi juga bagi memastikan imbuhan, bonus serta kedudukan dan kepercayaan yang diperolehi setiap orang (pekerja dan pemimpin) setimpal dan selaras dengan daya usaha dan kerja keringat yang ditaburkan. Kita perlu memastikan mereka yang layak bertanjak mendapat tanjaknya dan yang hanya layak bertengkolok mendapat tengkoloknya. Letakkan sesuatu pada tempatnya. Letakkan hak pada kedudukannya.

Kalau begitulah keadaannya, apa yang perlu kita buat sekarang? Mesti ada sesuatu yang dapat membantu kita mendapatkan pemarkahan sifat dan kemahiran pulun dalam kehidupan ini - walaupun ia mungkin hanya berdasarkan sebaik-baik jangkaan (*best estimation*). Bagi saya, dokumen yang mampu membantu kita menilai tahap dan kualiti sifat dan kemahiran pulun seseorang adalah dengan melihat biodata atau profilnya. Biodata atau profil adalah dokumen yang dapat memberi gambaran terbaik mengenai perwatakan seseorang dari segi kesungguhannya bekerja dan mencapai tanda aras pencapaian tertentu.

Sebagai contoh, dalam bidang pemasaran, kita dapat melihat biodata dua orang pegawai pemasaran dari segi

jumlah pegawai dan ejen yang di bawah pengurusannya dan juga jumlah barang atau unit rumah yang terjual dalam tempoh masa tertentu. Walaupun mungkin ada faktor penentu yang berbeza yang bakal memberi impak pada keseluruhan jumlah jualan, biodata sebegini dapat memberi maklumat awal tentang perwatakan dan kemahiran seseorang itu.

Dalam konteks kerjaya sebagai pensyarah, kita dapat melihat jumlah jam yang dikuliah, pelajar Sarjana dan Kedoktoran yang diselia, kertas kerja yang dibentang dan penulisan yang dihasilkan dalam tempoh masa tertentu. Kita mungkin dapat melihat sifat pulun ini dengan lebih holistik dan tepat kalau kita mempunyai tanda aras tertentu dalam sesuatu industri atau kerjaya atau keadaan tertentu. Ini mesti diwujudkan sesegera mungkin. Barangkali ini dapat direalisasikan dengan bantuan analisis data raya (*big data analytics*) dan kepintaran buatan (*artificial intelligence*). Tanda aras ini bukan sahaja dapat dihasilkan dalam masa yang terdekat tetapi ia juga paling tepat dan dekat dengan data yang terkumpul dalam semua lapangan kerjaya dan profesion.

Dengan terbentuknya tanda aras yang pintar ini - dengan bantuan data raya dan kepintaran buatan - pihak majikan dapat mewujudkan satu templat yang baru bagi cara penulisan dan penzahiran biodata. Semestinya biodata yang ditulis seorang calon merangkumi segala titik-titik penting dan relevan bagi mengenal pasti perwatakan beliau secara menyeluruh, termasuklah berkenaan minda dan kemahiran perwatakan pulun dalam diri seseorang itu.

Saya pernah usulkan cadangan ini pada seorang perunding antarabangsa dalam bidang pengurusan sumber manusia, di mana kebanyakan pelanggan beliau adalah syarikat-syarikat besar di bawah senarai 500 S&P. Jawapan beliau, "Mana mungkin sebuah mesin mampu memahami perwatakan manusia?"

Dengan hormat, saya rasa beliau salah dalam pandangan ini atau mungkin beliau faham kekuatan teknologi pintar dalam era revolusi industri keempat dunia, tetapi beliau memilih bagi tidak mahu beralih daripada cara biasa menilai perwatakan dan kebolehan manusia kepada cara analisis data (pekerja, industri, jawatan, jantina, umur, latar belakang sosial, pendidikan, polisi pekerjaan dan ekosistem, sistem nilai dalam sesuatu masyarakat dan segala 1,001 data yang memberi impak kepada kualiti seorang pekerja) melalui bantuan komputer berdaya tinggi.

Biodata Diri Cermin Diri

Saya juga berpendapat biodata yang ada pada hari ini adalah sekadar merekodkan pengalaman kerjaya dan juga hasil pencapaian. Biodata sepatutnya merekodkan juga apa sahaja percubaan dan eksperimen yang dibuat tapi gagal kerana ini juga adalah sebahagian daripada nilai dan harga diri seseorang itu. Nah, dengan cara ini, kita dapat tahu sama ada seseorang itu berani gagal ataupun tidak. Ini kerana ramai orang mahu berjaya tapi tak ramai pula yang berani gagal. Sudah tentu seseorang yang sudah jatuh akan tahu bagaimana untuk bangun semula berbanding dengan orang yang belum jatuh dan terkandas.

Segala usaha yang diikhtiarkan – walaupun gagal – semestinya diagregatkan dalam pemarkahan supaya perwatakan pulun dalam diri seseorang itu sepanjang kehidupan dan kerjaya beliau dapat dilihat dan dinilai secara menyeluruh. Boleh kita cadangkan format biodata yang baru? Inilah namanya format versi ala pulun. Siapa yang ingin menyokong usul ini? Ya, saya dah nampak ramai yang menjulang tangan menunjuk langit. Syabas!

Pulun adalah sifat yang digerakkan tekad dan keazaman tinggi bagi membuat sesuatu perkara sebaik mungkin dalam semua bidang yang diceburi walaupun sebahagiannya mungkin akan gagal. Tapi gagal sekali tak bermakna gagal selamanya. Dalam dunia keusahawanan – iaitu bidang kerjaya saya sekarang selepas meninggalkan bidang pekerjaan dalam sektor kerajaan – kegagalan adalah suatu ekuiti atau modal yang mahal. Terlalu mahal.

Dengan menempuhi kegagalan serta kerugian wang ringgit dan kehabisan masa dan tenaga, seseorang itu akan menjadi lebih peka dan lebih tajam serta cerdas minda strategiknya. Itulah satu dimensi penting, di mana biodata versi sekarang tidak dapat mengesannya. Mungkin masanya sudah tiba bagi mencipta templat dan versi biodata yang baru yang lebih holistik, bijaksana dan 'real' atau lebih 'menceritakan' (*story-telling*).

Kalau elemen-elemen ini tidak dapat dimasukkan dalam biodata disebabkan takut timbul salah faham oleh pihak majikan yang belum memahami kenapa kegagalan itu penting dalam pembentukan keperibadian seseorang, maka elok diajukan soalan-soalan tertentu pada calon dalam sesi temuduga. Ini bagi mendapatkan gula dari tebu; santan dari kelapa sepanjang sesi temuduga tersebut.

Antaranya, kita boleh bertanya (a) adakah anda

PULUN

Mereka yang berusaha lebih mudah bernasib baik berbanding mereka yang malas berusaha.

Orang yang malas berusaha tapi berangan-angan berjaya ibarat sang burung yang ingin terbang ke seluruh pelusuk dunia tapi tak pernah belajar cara terbang.

Siapakah diri anda sebenarnya? Lihatlah diari anda. Diari anda adalah diri anda.



Datuk Dr. Mohd Daud Bakar dikenali sebagai salah seorang cendekiawan Syariah elit dunia oleh para pengamal industri kewangan Islam. Beliau amat dikenali kerana kemampuannya menawarkan penyelesaian yang praktikal dan boleh dilaksanakan.

Dilahirkan di Alor Setar, Kedah pada tanggal 5 Mac 1964, beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sungai Korok Baru. Dilatih untuk berjalan sejauh 2 kilometer pergi dan pulang ke sekolah setiap hari membuka ruang bagi beliau berangan - angan untuk keluar dari kancah kemiskinan.

Tahun 2005 menyaksikan kejayaan beliau mencipta kegemilangan dalam dunia akademik, namun berbekalkan usaha dan doa beliau menguji tekad dengan menubuhkan syarikatnya sendiri, "Amanie". Tindakan itu berjaya memberikan perspektif istimewa kepadanya sebagai cendekiawan Syariah iaitu dwiperspektif dengan realiti komersil dan realiti akademik.

Seorang yang menghargai cabaran dan kejayaan, beliau turut memanfaatkan pengalaman serta berkongsi ceritanya di dalam "Saya Ada 25 Jam Sehari dan karya agung beliau, "Minda Syariah Kewangan Islam: Kisah Balik Tabir Perspektif Cendekiawan Syariah". Turut dihasilkan pada tahun 2018, judul terbaru di bawah nukilan beliau adalah "Anak Desa ke Persada Antarabangsa" dan "Harapan Buat Pakatan Harapan".

ISBN 978-967-14818-8-2



9 789671 481882

